

04/09/2001

Peluang selesai isu berbangkit cerah

KUALA LUMPUR, Isnin - Perbincangan antara Malaysia dan Singapura bagi menyelesaikan isu berbangkit berjalan lancar kerana kedua-dua negara bertekad menyelesaikannya, kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau berkata, perbincangan mengenai isu-isu yang belum selesai ini, kini lebih khusus kepada perkara yang boleh dilakukan untuk menyelesaikannya, tidak seperti sebelum ini dengan kedua-dua pihak hanya membincangkan pakej secara meluas.

"Saya yakin... kerana Menteri Kanan, Lee Kuan Yew mempunyai tanggapan dan kesedaran lebih baik terhadap Malaysia. Pihak mereka membuat beberapa cadangan dan pihak kita juga membuat beberapa cadangan.

"Kami mahu melihat semua isu berbangkit antara kedua-dua negara diselesaikan serta-merta," katanya kepada pemberita selepas jamuan tengah hari bersama Lee dan delegasi Singapura yang melakukan lawatan empat hari ke sini.

Syed Hamid berkata, lawatan Lee ke Malaysia kali ini tidak akan menyelesaikan isu berbangkit tetapi memberi peluang kedua-dua pemimpin mengkaji semula perkara itu.

"Kami berminat terhadap sesuatu yang boleh menyelesaikan isu itu tetapi kami tahu ia tidak boleh diselesaikan pada pertemuan kali ini tetapi sekurang-kurangnya ia memberi peluang kepada pemimpin mengkaji semula semua perkara yang belum diselesaikan," katanya.

Lee dijadualkan mengadakan perbincangan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya, esok.

Syed Hamid yang ditanya mengenai perkara yang akan dibincangkan antara Dr Mahathir dan Lee berkata, tidak ada agenda khusus tetapi ada kemungkinan isu yang belum selesai antara kedua-dua negara dibangkitkan.

Kali terakhir Lee melawat Malaysia ialah pada Ogos tahun lalu. Ketika itu, beliau dan Dr Mahathir membincangkan mengenai pakej isu dua hala yang kadang kala menegangkan hubungan kedua-dua negara.

Isu dalam pakej itu ialah perjanjian baru bekalan air dengan Singapura, penempatan semula Pusat Pemeriksaan Kastam Malaysia dari Stesen Keretapi Tanjung Pagar, pembangunan tanah milik Keretapi Tanah Melayu (KTM) Berhad di Singapura dan pengeluaran caruman dalam Kumpulan Wang Simpanan Pusat.

Sementara itu, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, hari ini memberi penjelasan kepada Lee mengenai ancaman Kumpulan Militan Malaysia (KMM) dan langkah yang diambil Malaysia untuk membendung aktiviti kumpulan itu.

Majlis itu berlangsung selama 40 minit di hotel penginapan Lee di sini.

Menurut Najib, Lee menyatakan bahawa kemunculan kegiatan militan Islam adalah fenomena yang berlaku di seluruh dunia dan beliau memuji pendirian sederhana Malaysia mengenai Islam.

(END)